

Keperluan pengklasifikasian hadith berdasarkan fasa Makkī dan Madanī dalam pemahaman teks hadith

[The necessity of classifying hadith according to the Makkī and Madanī phases in understanding hadith texts]

Helimy Aris^{*1}, Ahmad Sanusi Azmi¹, Nur Afifi Alit¹

¹Faculty of Quran and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

*Corresponding author: helimy@usim.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.33102/uij.719>

ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk menjelaskan keperluan pengklasifikasian hadith berdasarkan fasa Makkah dan Madinah sebagai salah satu proses memahami maksud hadith. Pembahagian kepada fasa tersebut kebiasaannya dikaitkan dengan peristiwa-peristiwa yang dilalui oleh Rasulullah SAW dan para sahabat RA seperti yang terdapat dalam sumber sirah Rasul SAW. Sebagai implikasi, timbul perbincangan mengenai surah makkīyah dan madanīyah dalam kalangan ahli tafsir dan kesannya dapat dilihat melalui pengklasifikasian surah-surah al-Quran kepada makkīyah dan madanīyah. Namun, hal yang sama tidak berlaku pada hadith Nabi SAW walaupun ia tetap sebahagian daripada wahyu yang berfungsi menjelaskan maksud al-Quran. Kajian mengenai hadith makkī dan madanī didapati terlalu sedikit dan penggunaannya sebagai terminologi khusus hampir tidak digunakan oleh sarjana terdahulu. Justeru, kajian ini berusaha menonjolkan sudut kewajaran pengelasan hadith kepada dua fasa tersebut dengan mengaplikasikan kajian kepustakaan dan pendekatan induktif. Hasil kajian menunjukkan terdapat beberapa alasan yang mewajarkan pengklasifikasian hadith Nabi SAW kepada fasa Makkah dan Madinah dalam memperkasakan fiqh al-ḥadīth berdasarkan konteks.

Kata kunci: Pengklasifikasian hadith Nabi SAW, al-makkī dan al-madanī, fiqh al-ḥadīth, pemahaman kontekstual

ABSTRACT

This paper explores the scholarly and practical value of classifying hadiths into the Makkan and Madinan phases. While early hadith scholars did not adopt this categorisation as a formal methodology, such a framework provides valuable tools for contextual interpretation of the Sunnah, especially in addressing contemporary issues. By analysing selected narrations, the study demonstrates how phase-based classification clarifies the relationship between abrogated and abrogating rulings (*al-nāsikh wa al-mansūkh*), situates narrations within their socio-historical context, and highlights the principle of gradual legislation (*tashrī‘ al-tadrījī*). Employing a qualitative textual analysis of classical sources, this study argues that phase-based classification enriches modern scholarship by bridging the gap between the timeless guidance of revelation and the evolving circumstances of Muslim societies. The findings affirm that such classification should be seen not as an innovation, but as a complementary hermeneutical tool grounded in the broader discipline of *asbāb wurūd al-ḥadīth*.

Manuscript Received Date: 19/08/25

Manuscript Acceptance Date: 07/12/25

Available online: 20/02/26

©The Author(s) (2026). Published by USIM Press on behalf of the Universiti Sains Islam Malaysia. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution Non-Commercial License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact penerbit@usim.edu.my



Keywords: Classifying *hadith*, *al-makkī* & *al-madanī*, Jurisprudential Understanding of *Hadith*, understanding hadith texts.

PENGENALAN

Interaksi dengan hadith Nabi SAW merangkumi proses penelitian terhadap penisbahannya kepada Nabi SAW, pemahaman maksudnya dan pengaplikasiannya dalam kehidupan. Para sarjana hadith telah membangun panduan tertentu bagi memelihara sunnah Nabi SAW bermula dengan penyusunan, penyaringan, penilaian dan penghuraian ('Itr, 1981).

Dalam ilmu penyusunan hadith atau disebut *riwāyah*, bibliografi Islam telah menyaksikan pelbagai jenis karya hadith ditulis oleh sarjana-sarjana terdahulu bagi memenuhi tuntutan semasa ia dihasilkan. Seiringan dengan penghasilan karya-karya tersebut, terminologi-terminologi berkaitan periwayatan telah dibangun dan dibahas oleh sarjana-sarjana hadith. sebahagiannya berkait rapat dengan teknik pemahaman teks hadith seperti *mukhtalif al-hadith*, *muskil al-hadith*, *gharīb al-hadith* dan *sabab wurūd al-hadith*. Setiap terminologi ini telah disusuli atau didahului dengan penghasilan karya yang berkaitan. Kepustakaan Islam telah diwarnai dengan karya seperti Ta'wīl Mushkil al-Athār, al-Nihāyah fī Gharīb al-Hadīth wa al-Athar. Karya-karya tersebut dihasilkan tiada lain melainkan untuk memperkasakan pemahaman terhadap maksud hadith dan menjadikannya sebagai sandaran hukum dan panduan kehidupan.

Namun, dalam kepelbagaian tersebut, tiada satupun karya yang menyusun hadith berdasarkan fasa Makkah dan Madinah sebagaimana yang berlaku pada al-Quran. Pada hemat penulis, adalah penting melakukan pemerhatian terhadap latar masa dan peristiwa bagi sesebuah hadith agar maksud yang ingin disampaikan oleh Rasulullah SAW dapat difahami dengan jelas dan betul. Dalam ilmu al-Quran, pengelasan surah berdasarkan fasa Makkah dan Madinah dilihat penting dalam memahami konteks sesebuah surah atau ayat. Namun, dalam ilmu hadith, pengelasan seperti itu dilihat hampir tiada. Perbahasan seterusnya akan menyingkap sejarah penulisan hadith Nabi SAW dan kewajaran pengklasifikasian hadith berdasarkan fasa Makkah dan madinah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan metod kualitatif yang berusaha mendalami maksud pengklasifikasian hadith berdasarkan fasa Makkah dan Madinah serta menganalisis kewajarannya dalam pemahaman hadith. Kajian kepustakaan digunakan bagi memperolehi gambaran yang tepat berkaitan sejarah penulisan hadith, jenis-jenis karya hadith dan ilmu-ilmu yang diperlukan dalam memahami teks hadith. Proses cerakin dan sintesis data dilakukan bagi menjelaskan perkaitan antara pengklasifikasian hadith berasaskan fasa Makkah dan Madinah dan ilmu teks hadith. Perkaitan yang signifikan antara dua aspek tersebut membuktikan kewajaran pengklasifikasian hadith berdasarkan fasa Makkah dan Madinah dalam pemahaman kontekstual hadith. Sumber-sumber yang dirujuk adalah terdiri daripada sumber primer dan skunder hadith. Sumber primer hadith ialah buku yang mengandungi hadith yang diriwayatkan sendiri oleh penulisnya daripada Nabi. Ia juga merujuk kepada karya asal bagi sesuatu ilmu atau idea. Sementara sumber sekunder ialah buku yang mengandungi hadith tetapi bukan daripada riwayat penulisnya. Ia juga bermaksud karya yang menghuraikan sesuatu ilmu atau idea (Abd al-Muhdī Abd al-Qādir Abd al-Hādī, 2012). Dalam konteks kajian ini, sumber primer dirujuk bagi tujuan verifikasi hadith dan pembuktian ketulenan sesuatu fahaman. Sementara sumber sekunder dirujuk bagi tujuan pemahaman idea dan sesuatu proses.

DAPATAN KAJIAN

Sorotan terhadap karya-karya lepas mendapati hal-hal berikut:

1. Penulisan dan penyusunan hadith dilakukan mengikut keperluan semasa dan dengan penuh ketelitian.
2. Bentuk dan metod karya hadith sepanjang sejarah pembukuan dipengaruhi oleh faktor-faktor tertentu seperti pengembangan disiplin ilmu hadith, keperluan memelihara khazanah hadith Nabi, memahami hukum dan makna hadith, pengetahuan terhadap jalur hadith, pemeliharaan ketulenan hadith, pengetahuan terhadap sumber dan status hadith.
3. Wujud perkaitan antara ilmu-ilmu teks hadith dan pengklasifikasian hadith berasaskan fasa Makkah dan Madinah yang menyokong kewajaran pengklasifikasian tersebut.

4. Wujud faktor yang menyebabkan pengklasifikasian hadith berdasarkan fasa Makkah dan Madinah tidak dilaksanakan pada era pembukuan dan pengembangan ilmu hadith.

PERBINCANGAN

Sejarah Penulisan Hadith

Pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabat, penumpuan diberikan sepenuhnya kepada penulisan al-Quran. Hadith hanya ditulis atau dicatat mengikut keperluan seperti catatan perjanjian antara penduduk Madinah yang disebut *Ṣaḥīḥfat al-Madīnah*, perjanjian Ḥudaybiyah, catatan orang perseorangan seperti catatan ‘Abdullāh Ibn ‘Amr dan catatan ‘Alī Ibn Abū Ṭālib (Akram Diyā’ al-‘Umarī, n.d.).

Pada zaman tābi‘īn, hadith Nabi SAW mula dibukukan. ‘Abd al-‘Āzīz Ibn Marwān, salah seorang gabenor dinasti Bani Umayyah antara yang awal menggerakkan kerja pengumpulan hadith Nabi SAW (Muḥammad Ibn Sa’d, 2001). Apabila anak gabenor tersebut, ‘Umar Ibn ‘Abd al-‘Azīz menjadi khalifah, beliau telah mengarahkan Abū Bakr Ibn Ḥazm salah seorang gabenornya mengumpulkan hadith Nabi SAW. Beliau juga mengarahkan para sarjana mengumpul hadith-hadith yang diterima daripada para sahabat (Al-Dārimī ‘Abd Allāh Ibn ‘Abd Raḥmān, 2000). Antara sarjana yang mengumpulkan hadith pada masa tersebut ialah Muḥammad ibn Shihāb al-Zuhrī dan catatan hadith beliau telah diedarkan ke bandar-bandar Islam sebagai rujukan penuntut ilmu (Ibn ‘Abd al-Barr Yūsuf, 1994).

Pada penghujung kurun ke-2 hijrah, pembukuan hadith diteruskan lagi tetapi ia bercampur-baur dengan fatwa para sahabat dan tābi‘īn. Catatan-catatan hadith pada zaman ini diberi nama sebagai *muwaṭṭa’*, *muṣannaf* dan *jāmi’*. Para sarjana mengumpul hadith-hadith dan *athar-athar* yang sama tema dalam satu bab. Kemudian bab-bab tersebut digabungkan menjadi *muwaṭṭa’*, *muṣannaf* atau *jāmi’* (Akram Diyā’ al-‘Umarī, n.d.).

Pada awal kurun ke-3 hijrah, bermulalah pengasingan hadith daripada fatwa para sahabat dan tābi‘īn. Kebanyakan sarjana pada kurun ini mengumpulkan hadith setiap sahabat dalam musnad yang berasingan. Musnad-musnad tersebut kemudiannya digabungkan menjadi musnad yang besar. Sebagai contoh, Musnad Aḥmad mengandungi Musnad Abū Bakr, Musnad ‘Umar, Musnad ‘Uthmān dan sahabat-sahabat Rasulullah SAW yang lain. Dalam Musnad Abū Bakr RA hanya mengandungi hadith yang diriwayatkan oleh Imam Aḥmad daripada Abū Bakr RA sahaja dan begitu juga dengan Musnad sahabat yang lain. Hadith-hadith dalam Musnad tidak disusun mengikut tema tertentu kerana ia dikumpulkan bagi tujuan memudahkan pelajar menghafal hadith sahabat tertentu berserta sanad (Akram Diyā’ al-‘Umarī, n.d.).

Pada kurun ke-3 juga bermula usaha pengasingan hadith-hadith yang ṣaḥīḥ dalam karya khusus. Antara yang awal melakukannya adalah Imam al-Bukhārī RH dan Imam Muslim RH. Karya hadith Imam Bukhārī disebut sebagai *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan dikira sebagai buku yang paling benar selepas al-Quran kerana ia hanya menghimpunkan hadith-hadith yang ṣaḥīḥ sahaja. Seterusnya ialah *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kedua-dua buku ini digelar sebagai al-*Ṣaḥīḥān* dan kedua-dua pengarangnya disebut al-Shaykhān. Al-*Ṣaḥīḥān* tergolong dalam kategori al-*Jāmi’* iaitu sumber yang menghimpunkan hadith daripada lapan tema utama iaitu akidah, hukum, tafsir, sirah, adab, riqāq, manāqib dan fitan (Akram Diyā’ al-‘Umarī, n.d.).

Selepas al-Bukhārī dan Muslim, ramai sarjana hadith yang berusaha menghimpunkan hadith-hadith ṣaḥīḥ tetapi tidak semua hadith-hadith yang mereka kumpulkan itu disepakati kesahihannya. Antara mereka ialah imam al-Tirmidhī, Ibn Khuzaymah dan Ibn Hibbān. Dalam banyak-banyak karya hadith, enam daripadanya dikira sebagai sumber yang paling utama iaitu al-*Ṣaḥīḥān*, Sunan Abī Dāwūd, Sunan al-Tirmidhī, Sunan al-Nasā’ī dan Sunan Ibn Mājah. Ia digelar sebagai al-Kutub al-Sittah. Keenam-enam sumber tersebut dihasilkan antara kurun ke-3 dan awal kurun ke-4. Satu hal lagi mengenai al-Kutub al-Sittah ialah kesemua hadith-hadithnya disusun berdasarkan tema.

Selepas zaman al-Nasā’ī, periwayatan hadith lebih bersifat istidrāk dan istikhraj. Istidrāk bermaksud meriwayatkan hadith berdasarkan syarat sarjana terdahulu. Sebagai contoh, al-Ḥākim al-Naysābūrī telah meriwayatkan dalam karyanya yang berjudul al-*Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥāyn* hadith-hadith berdasarkan syarat al-Bukhārī dan Muslim. Istikhraj pula bermaksud meriwayatkan hadith yang sedia ada dalam karya sarjana terdahulu dengan jalur yang berbeza. Sebagai contoh, Abū ‘Awānah telah meriwayatkan dalam karyanya yang lebih dikenali sebagai *Mustakhraj Abī ‘Awānah* hadith-hadith yang sedia ada dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* tetapi dengan jalur beliau sendiri. Kebanyakan sumber-sumber utama hadith selepas kurun ke-4 adalah bersifat istidrāk atau istikhraj iaitu sama ada dengan menggunakan sanad sarjana terdahulu atau hadith yang telah diriwayatkan oleh perawi terdahulu.

Bentuk Penyusunan Hadith

Al-Muṣannaḥāt, *al-Muwaṭṭā'āt*, *al-Jawāmī'*, *al-Sunan* dan *al-Majāmī'* boleh dianggap sebagai karya awal hadith tematik. Hal ini demikian, kerana semua sumber-sumber tersebut mengandungi kitab-kitab tertentu yang diboleh dianggap sebagai tema utama hadith. Setiap kitab terbahagi kepada bab-bab kecil yang boleh dianggap sebagai subtema hadith. Sebagai contoh, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* mengandungi seratus (100) kitab dan setiap daripada seratus kitab tersebut mengandungi bab-bab kecil. Di bawah setiap bab terdapat satu atau beberapa hadith yang sepadan dengannya. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* terkenal dengan keunikan judul babnya atau disebut *tarjamat al-bāb* sehingga disebut kefaqihan al-Bukhārī terserlah melalui judul bab dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Nāṣir al-Dīn Ibn al-Munīr, n.d.).

Penyusunan hadith berdasarkan tema mungkin didorong oleh keinginan mengetahui hukum-hakam yang terkandung dalam hadith. Sarjana hadith berusaha menonjolkan makna dan hukum yang terdapat dalam hadith melalui judul-judul kitab dan bab yang terdapat dalam al-jāmī' dan al-sunan.

Apabila wujud keperluan mengetahui sumber dan status hadith-hadith yang dibahaskan oleh fuqahā' dalam karya mereka tanpa menyebut sebarang sanad atau sebahagian mereka tiada kemahiran dalam menilai status hadith, para sarjana hadith telah mengambil tanggungjawab menjelaskan hal tersebut melalui karya mereka yang disebut sebagai takhrij, aṭrāf dan majāmī' (Alī Nāyif Biqā'i, 2002).

Takhrij adalah karya yang mengandungi hadith-hadith yang telah disebut oleh sarjana terdahulu dalam karya mereka tanpa sanad dan status. Penulis takhrij akan menjelas sumber dan status hadith-hadith tersebut dengan metod tertentu. Contoh takhrij ialah Naṣb al-Rāyah li Aḥādīth al-Hidāyah yang ditulis oleh Imam Jamāl al-Dīn al-Zayla'ī (meninggal dunia tahun 762 H). Ia menghimpunkan hadith-hadith yang disebut tanpa sanad dan status oleh sarjana fiqh mazhab Hanafī iaitu Burhān al-Dīn al-Marghinānī (meninggal tahun 593 H) dalam karyanya yang berjudul al-Hidāyah Sharḥ Bidāyat al-Mubtadī. Al-Zayla'ī telah menjelaskan sumber, jalur dan perbezaan lafaz bagi hadith-hadith tersebut yang kemudiannya menjadi panduan kepada para pentakhrij selepas beliau (Al-Zayla'ī Jamāl al-Dīn, 1997).

Aṭrāf adalah karya yang mengandungi sebahagian daripada lafaz hadith dan biasanya awal hadith. Ia disusun sama ada mengikut kaedah mu'jam atau maṭla' al-ḥadīth. Kaedah mu'jam bermaksud hadith-hadithnya diasingkan mengikut musnad para sahabat, kemudian musnad-musnad tersebut disusun mengikut turutan huruf mu'jam. Contohnya, hadith yang diriwayatkan oleh 'Abd Allāh Ibn 'Abbās RA diletak dalam Musnad 'Abd Allāh Ibn 'Abbās RA, kemudian Musnad 'Abd Allāh Ibn 'Abbās RA tersebut akan diletak pada huruf 'Ayn (ع) dan kedudukan huruf tersebut adalah berdasarkan turutannya dalam huruf mu'jam atau disebut juga huruf hijā'iyah. Kaedah maṭla' al-ḥadīth bermaksud hadith-hadith disusun mengikut huruf pertama daripada lafaz pertama hadith. Tujuan utama Aṭrāf adalah untuk menghimpunkan jalur yang pelbagai bagi sesebuah hadith daripada pelbagai sumber. Contoh Aṭrāf ialah Tuḥfat al-Ashrāf bi Ma'rifat al-Aṭrāf yang ditulis oleh Jamāl al-Dīn al-Mizzī (meninggal dunia tahun 742 H).

Majāmī' adalah seumpama insklopedia hadith yang menghimpunkan hadith-hadith daripada pelbagai sumber berdasarkan kaedah tematik, mu'jam atau maṭla' al-ḥadīth. Seperti Aṭrāf, penulis Majāmī' sering menggunakan simbol-simbol tertentu bagi menunjukkan sumber utama dan status hadith. Tujuan penulisan al-Majāmī' adalah untuk menghimpunkan hadith Nabi SAW daripada pelbagai sumber. Contoh Majāmī' ialah al-Jāmī' al-Kabīr yang ditulis oleh Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī (meninggal dunia tahun 911 H).

Selain di atas, terdapat satu lagi jenis karya hadith iaitu *Zawā'id*. Ia adalah karya yang mengandungi hadith-hadith tambahan yang tiada pada sumber tertentu. Hadith tambahan atau *al-ḥadīth al-zā'id* bermaksud hadith secara keseluruhannya, sebahagian lafaznya atau melalui jalur sahabat tertentu tidak diriwayatkan dalam sumber tertentu yang menjadi rujukan umum seperti al-Kutub al-Sittah. Antara sarjana hadith yang terawal menulis *al-zawā'id* ialah Nūr al-Dīn al-Haythamī (meninggal dunia tahun 807 H) melalui beberapa karyanya seperti *Majma' al-Zawā'id*. Tujuan pengumpulan *al-Zawā'id* mungkin adalah bagi menonjolkan keistimewaan dan kelainan yang terdapat dalam sesebuah karya. Hal ini dapat dilihat melalui ungkapan al-Haythamī ketika mengasingkan *al-zawā'id* yang terdapat beberapa sumber primer (Al-Haythamī Nūr al-Dīn, 1992b). Ia juga bertujuan memudahkan penjejakan hadith berdasarkan tema yang terdapat dalam sumber primer yang mengguna pakai metod yang berbeza dalam penyusunan hadith (Al-Haythamī Nūr al-Dīn, 1992a). tanpa *kutub al-zawā'id*, penjejakan hadith berdasarkan tema amat sukar dilakukan. Penghasilan *al-zawā'id* adalah hasil penilitian yang mendalam terhadap hadith-hadith yang terdapat sumber primer hadith yang merangkumi aspek sanad dan matan. Selain itu, pemerhatian terhadap *al-zawā'id* juga adalah bertujuan untuk menilai status hadith. Sebagai contoh, al-Būṣīrī telah memberi tumpuan terhadap status hadith

tambahan riwayat Ibn Mājah yang tiada dalam Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ Muslim, Ṣunan Abī Dāwūd, Sunan al-Nasā'ī dan Sunan al-Tirmidhī. Karya beliau dinamakan sebagai Miṣbāḥ al-Zujājāh fī Zawā'id Sunan Ibn Mājah (Al-Būṣīrī, 1983).

Selain *al-Jawāmī'*, *al-Sunan*, *al-Muwaṭṭa'* dan *al-Muṣannaḥāt*, terdapat sebahagian sarjana yang menyusun dan membahaskan hadith berdasarkan aspek-aspek tertentu pada matan. Antaranya ialah *mukhtalif al-ḥadīth*, *gharīb al-ḥadīth*, *al-nāsikh wa al-mansūkh* dan *sabab wurūd al-ḥadīth*.

Mukhtalif al-ḥadīth adalah hadith yang secara zahirnya bersalahan dengan hadith lain tetapi pada hakikatnya boleh diselaraskan. Antara sarjana yang terawal membicarakan jenis hadith ini secara khusus ialah Imam al-Shāfi'ī (meninggal dunia tahun 204 H) dalam karyanya yang berjudul *Ikhtilāf al-Ḥadīth* (Al-Shāfi'ī, 1986). *Gharīb al-ḥadīth* ialah lafaz yang terdapat dalam teks hadith yang jarang digunakan oleh kebanyakan masyarakat arab. Sarjana hadith telah mengenal pasti lafaz-lafaz yang dikategorikan sebagai *gharīb* dan menghimpunkannya dalam karya khusus dengan dinyatakan kedudukannya dalam teks hadith, maksudnya mengikut konteks hadith berserta sumber hadith yang dirujuk. Antara sarjana yang menulis dalam bidang tersebut ialah Majd al-Dīn Ibn al-Athīr (meninggal tahun 606 H) dalam karyanya yang berjudul *al-Nihāyah fī Gharīb al-ḥadīth wa al-Athar* (Ibn al-Athīr, 1979).

Pengklasifikasian Berdasarkan *Makkī* dan *Madanī*

Sehingga kini, belum ditemukan lagi sumber primer atau skunder yang secara khusus menyusun hadith berdasarkan fasa Makkah dan Madīnah. Walaupun terdapat musnad *al-makkīyīn* (penduduk Makkah) dan musnad *al-madanīyīn* (penduduk Madinah) dalam musnad Aḥmad, ia bukanlah berasaskan fasa Makkah dan Madinah tetapi berdasarkan lokasi perawi (Shahzadi et al., 2024). Penetapan hadith fasa Makkah dan Madinah tidak boleh dilakukan secara berkesan berdasarkan lokasi perawi kerana proses periwayatan mungkin boleh berlaku secara berulang-kali dan ia bukan indikator yang menunjukkan fasa sebenar sesebuah hadith. Walau bagaimanapun, pengetahuan mengenai latar masa dan peristiwa sebahagian hadith mungkin boleh dicerap melalui penelitian terhadap teks hadith yang lengkap dan ia biasanya boleh ditemui dalam sumber primer hadith. selain itu, sumber sirah Rasul SAW, hadith *nāsikh* dan *mansūkh* serta *sabab wurūd al-ḥadīth* turut membantu dalam mengenal pasti latar masa sebahagian hadith.

Kuantiti Hadith *Makkī* dan *Madanī*

Dalam al-Quran, surah-surah makkīyah dilihat lebih banyak berbanding surah-surah madanīyah (J. al- Al-Suyūfī, 1974). Namun, surah-surah *madanīyah* lazimnya mengandungi ayat-ayat yang panjang seperti surah al-Baqarah dan al-Nisā'. Jika dibandingkan dari aspek kapasiti kedua-dua kategori surah (*makkīyah* dan *madanīyah*), ia mungkin membawa kepada natijah yang seimbang. Surah *makkīyah* mungkin lebih banyak tetapi mengandungi ayat-ayat yang pendek. Sementara surah *madanīyah* mungkin lebih sedikit tetapi mengandungi ayat-ayat yang panjang. Pada hemat penulis, jika diklasifikasikan hadith-hadith Nabi SAW berdasarkan fasa Makkah dan Madinah seperti yang dilakukan pada al-Quran, berkemungkinan besar hadith-hadith fasa Madinah adalah jauh lebih banyak dan panjang berbanding hadith-hadith fasa Makkah berdasarkan dua faktor berikut:

1. Jumlah Perawi dari Kalangan Sahabat

Jumlah sahabat Nabi SAW yang meriwayatkan hadith fasa Madinah dijangka lebih ramai berbanding sahabat yang meriwayatkan hadith fasa Makkah. Hal tersebut demikian kerana yang melaporkan hal-hal yang berkaitan Madinah adalah dari kalangan Muhājirīn, Anṣār, para delegasi yang bertandang ke Madinah bagi mempelajari Islam daripada Nabi SAW secara langsung, *muslimat al-fath* (iaitu golongan yang memeluk agama Islam semasa pembukaan kota Makkah) dan yang menyertai Rasulullah SAW semasa mengerjakan *ḥajjat al-wadā'* (hadith selamat tinggal).

Sementara yang melaporkan hal-hal yang berkaitan Makkah lazimnya adalah kalangan sahabat yang kemudiannya disebut Muhājirīn. Situasi umat Islam sebagai golongan minoriti disebabkan dakwah Islam tidak dapat disampaikan dengan sebebasnya pada fasa Makkah menyebabkan tidak ramai yang dapat melaporkan perkembangan Islam pada fasa tersebut. Sebahagian daripada yang memeluk agama Islam pada fasa tersebut hanya dikenali sebagai sahabat tanpa sebarang hadith direkodkan daripadanya disebabkan telah meninggal dunia semasa di Makkah lagi seperti Khadījah RA, Yāsir RA dan Sumayyah RA. Jika ada hadith mereka yang direkodkan, ia adalah melalui sahabat lain yang berhijrah ke Madinah dan jumlahnya sudah pasti terhad.

Selain itu, terdapat beberapa hadith yang bertemakan fasa Makkah telah dilaporkan oleh kaum Anṣār dan ia sama ada melalui perantara kaum Muhājirīn atau diceritakan semula oleh Rasulullah SAW setelah berada di Madinah. Namun, tema-tema tersebut adalah sangat terhad seperti permulaan wahyu, golongan awal memeluk Islam, tradisi masyarakat jahiliyyah yang selari dengan prinsip Islam seperti perjanjian *al-Fuḍūl* dan puasa '*Ashūrā'*.

2. Kepelbagaian Isu dan Aktiviti:

Walaupun tempoh fasa Madinah tidak panjang berbanding fasa Makkah, tetapi isu dan hukum yang disyariatkan pada fasa tersebut adalah jauh lebih banyak berbanding hukum-hukum yang disyariatkan di Makkah. Kepelbagaian isu pada fasa Madinah juga didorong oleh faktor integrasi antara etnik di bumi Madinah, hubungan antara Madinah dan dunia luar melalui dakwah, peperangan selain aktiviti perdagangan. Keadaan kaum muslimin sebagai pentadbir dan pembuat polisi juga menyumbang ke arah pembangunan hukum berlandaskan wahyu. Justeru, fasa Madinah disebut sebagai era perundangan dan pemurnian hukum (Mannā' al-Qaṭṭān, 2001). Keadaan sebaliknya pada fasa Makkah yang disebut sebagai fasa pembentukan akidah dan keperibadian muslim. Keadaan kaum muslimin sebagai minoriti, sering ditindas oleh masyarakat Makkah menghadkan aktiviti mereka dengan pihak lain. Dalam masa yang sama, pendekatan dakwah dan tarbiah Rasulullah SAW pada fasa tersebut kebanyakannya adalah dengan memperdengarkan ayat-ayat al-Quran. Interaksi antara Rasulullah SAW dan penduduk Makkah dalam usaha menjawab keraguan-keraguan yang ditimbulkan oleh mereka juga adalah melalui pembacaan ayat-ayat al-Quran yang menjelaskan kewujudan dan keagungan Allah SWT serta kebenaran al-Quran. Kebanyakan isu-isu tersebut tidak memerlukan penjelasan lanjut berbentuk hadith Nabi SAW disebabkan ia sangat jelas dan berkaitan hal-hal teras sementelahan pula penguasaan mereka terhadap bahasa arab adalah sangat menakjubkan. Justeru, hadith-hadith yang memperihalkan fasa Makkah dijangka tidak sebanyak hadith-hadith yang memperihalkan fasa Madinah. Ia mungkin umpama bab pendahuluan yang pendek bagi sebuah buku yang mengandungi banyak bab.

Oleh yang demikian, pengelasan hadith berdasarkan fasa Makkah dan Madinah mungkin tidak mendapat sambutan dari kalangan sarjana terdahulu disebabkan dua faktor di atas. Walau bagaimanapun, ia tidak bermakna idea tersebut tidak perlu dilaksanakan berdasarkan kewajaran-kewajaran yang akan dijelaskan nanti.

Faktor-Faktor Kewajaran

Ketiadaan sumber khusus yang mengklasifikasikan hadith berdasarkan fasa Makkah dan Madinah menimbulkan persoalan mengenai sejauh mana ia wajar dilakukan. Berdasarkan penelitian penulis, berikut adalah antara perkara yang boleh dipertimbangkan sebagai faktor keperluan pengklasifikasian hadith kepada fasa Makkah dan Madinah:

1- Sebagai lanjutan kepada *sabab wurūd al-ḥadīth*

Sabab wurūd al-ḥadīth (sebab pengucapan hadith) penting dalam memahami konteks sebenar sesebuah hadith. Menurut al-Suyūṭī (J. al-D. 'Abd al-R. I. A. B. Al-Suyūṭī, n.d.), sebab pengucapan hadith perlu diberi perhatian kerana melaluinya dapat diketahui *fiqh al-ḥadīth*. Ia mungkin berbentuk soalan atau peristiwa yang menjadi punca pengucapan hadith. Sebahagian peristiwa yang dilaporkan oleh ahli hadith sebagai sebab pengucapan hadith adalah melibatkan hal-hal yang berkaitan dengan fasa Makkah dan Madinah. al-Bukhārī dan Muslim telah melaporkan daripada Abū Hurayrah, daripada Rasulullah sabda baginda:

((أَمَرْتُ أَنْ أَقَاتِلَ النَّاسَ حَتَّى يَقُولُوا لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، فَمَنْ قَالَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ فَقَدْ عَصَمَ مِنِّي نَفْسَهُ وَمَالَهُ إِلَّا بِحَقِّهِ، وَحِسَابُهُ عَلَى اللَّهِ))

“Aku diperintah untuk memerangi manusia sehingga mereka berkata: “Tiada tuhan yang layak disembah dengan sebenarnya melainkan Allah”. Barangsiapa berkata: “Tiada tuhan yang layak disembah dengan sebenarnya melainkan Allah”, sesungguhnya dia telah melindungi nyawa dan hartanya melainkan jika berkaitan dengan hak harta. Adapun pengadilan ke atasnya di atas apa yang dilakukan, hal tersebut terserah kepada Allah”. [Ṣaḥīḥ al-Bukhārī 3/1077 no. hadith: 2786, Ṣaḥīḥ Muslim 1/38 no. hadith: 20]

Ibn Hamzah al-Husaynī (Al-Husaynī, n.d.) telah menyebut dua *sabab wurūd* hadith di atas. Pertama adalah seperti yang dilaporkan oleh Ibn Abī Shaybah daripada Abū Hurayrah yang telah melaporkan melalui perantara Umar daripada Rasulullah sabdanya:

“Esok aku akan serahkan panji perang kepada seorang lelaki yang cintakan Allah dan Rasul-Nya, Allah akan memberi kemenangan melaluinya”. Kata Umar: “Tidak pernah aku bercita-cita untuk memimpin melainkan pada hari tersebut. Pada keesokan harinya, aku berusaha menonjolkan diriku agar dipilih. Tiba-tiba baginda bersabda kepada ‘Alī: “Bangun, pergi berperang dan toleh ke belakang sehinggalah Allah memberi kemenangan

kepadamu”. Lalu beliau berkata: “Wahai Rasulullah, atas dasar apakah aku harus memerangi mereka? Rasulullah bersabda: “Sehingga mereka berkata: “Tiada tuhan yang layak disembah dengan sebenarnya melainkan Allah”. Apabila mereka mengatakannya, terpeliharalah nyawa dan harta mereka melainkan jika berkaitan dengan haknya”.

Kedua adalah seperti yang dilaporkan oleh Abū Dāwūd al-Ṭayālīsī, Aḥmad, al-Dārimī daripada Aws Ibn Abī Aws al-Thaqafi katanya:

((كُنْتُ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي قُبَّةٍ وَمَا مِنَ الْقَوْمِ أَحَدٌ إِلَّا نَائِمٌ غَيْرِي، فَجَاءَ رَجُلٌ فَسَارَهُ فَقَالَ: اذْهَبْ فَاقْتُلْهُ، ثُمَّ دَعَاهُ فَقَالَ: أَلَيْسَ يَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنِّي رَسُولُ اللَّهِ؟، قَالَ: نَعَمْ، قَالَ: فَإِنِّي أُمِرْتُ أَنْ أَقَاتِلَ النَّاسَ حَتَّى يَشْهَدُوا أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنِّي رَسُولُ اللَّهِ، فَإِذَا شَهِدُوهَا فَقَدْ مَنَعُوا دِمَاءَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ - أَوْ قَالَ: قَدْ مَنَعُوا - إِلَّا بِحَقِّهَا))

“Aku pernah bersama Rasulullah di dalam sebuah khemah. Semua ahli rombongan ketika itu sedang tidur melainkan aku. Ketika itu datang seorang lelaki lalu membisikkan sesuatu kepada baginda. Lalu baginda bersabda: “Bunuhlah dia”. Kemudian baginda memanggilnya semula lalu bersabda: “Bukankah dia telah bersaksi bahawa tiada tuhan yang layak disembah dengan sebenarnya melainkan Allah dan aku adalah pesuruh Allah? Lelaki tersebut berkata: “Ya”. Lalu baginda bersabda: “Sesungguhnya aku diperintah untuk memerangi manusia sehinggalah mereka bersaksi bahawa tiada tuhan yang layak disembah dengan sebenarnya melainkan Allah dan aku adalah pesuruh Allah. Apabila mereka bersaksi dengan hal demikian, sesungguhnya mereka telah memelihara nyawa dan harta-benda mereka melainkan jika ia berkaitan dengan hak harta”. [Musnad al-Ṭayālīsī 2/434 no. Hadith: 1206, Musnad Aḥmad 26/81 no. Hadith: 16160, Musnad al-Dārimī 2/801 no. Hadith: 2468]

Berdasarkan sabab al-wurūd, hadith di atas perlu difahami dalam konteks tertentu. Riwayat pertama menjelaskan ia diucapkan pada perang Khaybar iaitu yang melibatkan tentera Islam dan yahudi kota Khaybar. Sementara riwayat kedua menjelaskan ia diucapkan ketika Rasulullah didatangi pelbagai delegasi Arab dan di antara mereka adalah daripada kabiah Thaqif. Kedua-dua peristiwa tersebut merupakan indikator jelas fasa Madinah. dari aspek makna, perkataan manusia yang disebut dalam hadith di atas tidak seharusnya difahami secara umum tetapi perlu difahami berdasarkan konteks ia diucapkan. Hal ini menunjukkan kepentingan sabab al-wurūd dan kaitannya dengan pengklasifikasian hadith kepada fasa Makkah dan Madinah.

Walau bagaimanapun, sumber khusus *sabab wurūd al-ḥadīth* sehingga hari ini amat terhad. Dalam kalangan karya sarjana terdahulu, hanya dua sahaja dalam capaian kebanyakan para pengkaji semasa iaitu al-Luma‘ fī Asbāb Wurūd al-Ḥadīth yang dihasilkan pada kurun ke-10 hijrah (J. al-D. Al-Suyūṭī, 1996) dan al-Bayān wa al-Ta‘rīf fī Asbāb Wurūd al-Ḥadīth al-Sharīf yang dihasilkan pada kurun ke-12 hijrah (Al-Ḥusaynī, n.d.). Dengan menyusun sebab-sebab tersebut berdasarkan fasa Makkah dan Madinah berpotensi mengembangkan ilmu *sabab wurūd al-ḥadīth* dan memudahkan proses perkaitan antara hadith dan konteks.

2- Membantu penentuan *nāsikh* dan *mansūkh*

Penetapan nāsikh dan mansūkh dalam sunnah bergantung kepada tarikh pengucapan hadith. Ia sering kali diketahui melalui kenyataan jelas daripada Rasulullah SAW dan para sahabat yang meriwayatkan sesebuah hadith.

Sebagai contoh, Muslim (Ḥajjāj, 1954) telah melaporkan dalam kitab al-Janā’iz dan al-Aḍāḥī daripada Buraydah al-Aslamī katanya: “Rasulullah SAW bersabda:

((هَيِّئْكُمْ عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُورِ فَرُورُوهَا وَهَيِّئْكُمْ عَنْ حُومِ الْأَضَاحِيِّ فَوْقَ ثَلَاثٍ، فَأَمْسِكُوا مَا بَدَا لَكُمْ، وَهَيِّئْكُمْ عَنْ النَّبِيدِ إِلَّا فِي سَقَاءٍ فَاشْرَبُوا فِي الْأَسْقِيَةِ كُلِّهَا، وَلَا تَشْرَبُوا مُسْكِرًا))

“Aku pernah melarang kamu daripada menziarahi kubur. (Sekarang) ziarahilah ia (kubur). Aku pernah melarang kamu daripada menyimpan daging korban melebihi tiga hari. (Sekarang) simpanlah selama mana yang kamu mahu. Aku pernah melarang kamu daripada minum nabīdh melainkan jika ia disimpan dalam bekas kulit. (Sekarang) minumlah daripada semua bekas dan janganlah minum air yang memabukkan”. [Ṣaḥīḥ Muslim 3/65 no. hadith: 977, 1977].

Al-Bukhārī (Al-Bukhārī, 1993) telah melaporkan daripada ‘Abdullah Ibn Mas‘ūd katanya:

كُنَّا نُسَلِّمُ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ يُصَلِّي فَيَرُدُّ عَلَيْنَا، فَلَمَّا رَجَعْنَا مِنْ عِنْدِ النَّجَاشِيِّ سَلَّمْنَا عَلَيْهِ فَلَمْ يَرُدِّ عَلَيْنَا، فَقُلْنَا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّا كُنَّا نُسَلِّمُ عَلَيْكَ فَتَرُدُّ عَلَيْنَا؟ قَالَ: إِنَّ فِي الصَّلَاةِ شُغْلًا

“Kami pernah memberi salam kepada Nabi ketika baginda sedang solat, lalu baginda menjawab salam kami. Tatkala kami pulang daripada negeri al-Najāshī, kami memberi salam kepada baginda (ketika baginda sedang solat) tetapi baginda tidak menjawab salam kami. Lalu kami bertanya: “Wahai Rasulullah, sebelum ini kami memberi salam kepadamu, lalu engkau menjawab salam kami”. Baginda bersabda: “Sesungguhnya dalam solat itu ada urusan yang menyibukkanmu”. [Ṣaḥīḥ al-Bukhārī 3/1407 no. Hadith: 3662]

Hadith di atas menjelaskan hukum bercakap dalam solat. Menjawab salam ketika sedang solat dikira sebagai bercakap dan ia adalah satu kebiasaan sebelum mereka berhijrah ke bumi Habsyah. Tetapi ia seolah-olah tidak dibenarkan setelah mereka kembali dari bumi Habsyah disebabkan Nabi tidak menjawab salam ‘Abdullah Ibn Mas‘ūd apabila beliau memberi salam ketika Nabi sedang solat. Al-Bukhārī (Al-Bukhārī, 1993) telah meletakkan hadith di atas di bawah judul larangan bercakap dalam solat. Al-Hāzīmī (Al-Hāzīmī, 1940) juga menyebutnya di bawah judul pemansuhan hukum bercakap dalam solat. Peristiwa hijrah ke bumi Habsyah adalah indikator jelas fasa Makkah yang menunjukkan keharusan bercakap semasa solat merupakan sebahagian daripada hukum yang disyariatkan pada fasa tersebut sebelum ia dimansuhkan.

Pengetahuan terhadap fasa hadith membantu memahami hal-hal yang berkaitan dengan pemansuhan hukum. Jika wujud pertembungan antara dua hadith dan didapati salah satu daripadanya adalah hadith fasa Makkah dan yang lain adalah hadith fasa Madinah, sudah pasti hadith fasa Madinah mengandungi hukum yang memansuhkan hukum fasa Makkah.

3- Mengukuhkan pemahaman konteks

Oleh sebab pengetahuan terhadap fasa Makkah dan Madinah bagi sesebuah hadith merupakan lanjutan daripada ilmu *sabab wurūd al-hadīth*, ia secara tidak langsung membantu dalam memahami hadith berdasarkan konteks. Latar masa dan peristiwa sesebuah hadith mungkin termasuk dalam sebab pengucapan hadith. Walaupun dalam banyak keadaan, ia tidak disebut bersama teks hadith tetapi ia perlu diteliti bagi memahami tujuan dan maksud sebenar penutur. Komposisi masyarakat Madinah yang terdiri daripada pelbagai etnik sedikit sebanyak mempengaruhi cara dan pendekatan Rasulullah SAW dalam menyampaikan Islam. Ketika mengulas hadith puasa hari ‘Āshūrā’, Ibn Hajar (Ibn Hajar, 1970) menyatakan, Rasulullah SAW cenderung melakukan sesuatu yang selari dengan amalan ahli Kitab khususnya Yahudi lebih-lebih lagi jika ia menyalahi tradisi penyembah berhala. Apabila kota Makkah berjaya dikuasai oleh Rasulullah SAW dan Islam semakin tersebar, baginda memilih untuk menyelisihi kaum yahudi juga. Justeru, ketika mula sampai di Madinah, baginda meneruskan puasa hari ‘Āshūrā’ seperti yang diamalkan oleh kaum yahudi. Kemudian pada hujung hayatnya, baginda mengarahkan para sahabat agar menyelisihi kaum yahudi dengan cara menambah sehari sebelum atau selepas hari ‘Āshūrā’.

4- Menonjolkan sifat fleksibel dan bertahap dalam pensyariat Islam

Pengelasan hadith mengikut fasa berpotensi menonjolkan keanjalan syariat Islam dan mengukuhkan kepercayaan bahawa Islam adalah agama yang relevan pada setiap masa dan tempat. Al-Bukhārī (Al-Bukhārī, 2001) melaporkan dalam kitab Faḍā’il al-Ṣaḥābah daripada ‘Āishah RA katanya:

((فُرِضَتِ الصَّلَاةُ رَكْعَتَيْنِ، ثُمَّ هَاجَرَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقُرِضَتْ أَرْبَعًا، وَتُرِكَتْ صَلَاةُ السَّفَرِ عَلَى الْأَوَّلِ))

“Diwajibkan solat sebanyak dua rakaat. Kemudian Nabi SAW berhijrah, lalu diwajibkan solat sebanyak empat rakaat. Dalam masa yang sama solat ketika musafir dikekalkan jumlah rakaatnya seperti asal (iaitu dua rakaat)”. [Ṣaḥīḥ al-Bukhārī 3/1421 no. hadith: 3720]

Hadith di atas menggambarkan konsep tashrī‘ al-tadrījī (pensyariatan secara beransur) yang merupakan salah satu daripada ciri khas syariat Islam. Ia selaras dengan fitrah manusia yang cenderung mengikut dalam keadaan tidak dipaksa atau dibebankan dengan sesuatu di luar kebiasaannya. Dengan ciri-ciri ini syariat Islam kekal relevan sepanjang zaman. Hadith di atas menjelaskan pensyariatan solat sebanyak empat rakaat berlaku pada fasa Madinah. Sementara pada fasa Makkah, para sahabat hanya diwajibkan dengan dua rakaat solat sesuai dengan tuntutan fasa tersebut iaitu ke arah pengukuhan iman.

5- Menjadi pemberat (*murajjih*) dalam isu khilaf

Pengetahuan yang jelas terhadap kronologi dan latar masa hadith mungkin boleh dipertimbangkan sebagai *murajjih* dalam penetapan hukum. Sebagai contoh, Ibn Mas‘ūd berpendapat sunat melakukan *taṭbīq* (menyilangkan jari kedua-dua tangan dan meletakkannya di antara dua paha) ketika rukuk. Muslim melaporkan daripada Ibn Mas‘ūd seperti berikut:

وَإِذَا رَكَعَ أَحَدُكُمْ فَلْيُفْرِشْ ذِرَاعَيْهِ عَلَى فَخْذَيْهِ، وَلْيَجْنَأْ وَلْيُطَبِّقْ بَيْنَ كَفَيْهِ فَلْيَكَأْ بِأَنْظُرٍ إِلَى اخْتِلَافِ أَصَابِعِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

“Apabila seseorang kamu rukuk, hendaklah diletakkan lengannya di atas kedua pahanya, bongkokkan badannya dan rapatkan kedua-dua tangannya. Seolah-olah aku masih melihat persilangan antara jari-jari Rasulullah”. [Ṣaḥīḥ Muslim 2/68 no. hadith: 534]

Walau bagaimanapun, sunnah yang disampaikan oleh Ibn Mas‘ūd di atas telah dimansuhkan menurut kebanyakan ulamak. Hal ini bersandarkan hadith Sa‘ad Ibn Abū Waqqāṣ yang dilaporkan oleh Muslim seperti berikut:

صَلَّيْتُ إِلَى جَنْبِ أَبِي. قَالَ: وَجَعَلْتُ يَدَيَّ بَيْنَ رُكْبَتَيْ، فَقَالَ لِي أَبِي: اضْرِبْ بِكَفَيْكَ عَلَى رُكْبَتَيْكَ. قَالَ: ثُمَّ فَعَلْتُ ذَلِكَ مَرَّةً أُخْرَى، فَضَرَبَ يَدَيَّ وَقَالَ: إِنَّا نُهَيَّا عَنْ هَذَا وَأَمَرْنَا أَنْ نَضْرِبَ بِالْأَكْفَفِ عَلَى الرُّكْبِ

“Aku (Mus‘ab Ibn Sa‘ad) telah solat dibelakang bakuku dan meletakkan kedua tanganku di celah antara dua lututku (*taṭbīq*). Lalu bakuku (Sa‘ad Ibn Abū Waqqāṣ) berkata kepadaku: “Letakkan kedua tanganmu di atas lututmu.” Kemudian pada waktu lain aku melakukannya lagi (iaitu *taṭbīq*), lalu beliau menepuk tanganku dan berkata: “Sesungguhnya kami dilarang daripada melakukan ini (iaitu *taṭbīq*) dan kami diperintahkan untuk meletakkan tapak tangan ke atas lutut (iaitu ketika rukuk)”. [Ṣaḥīḥ Muslim 2/69 no. hadith: 535]

Menurut sebahagian sarjana seperti al-Shāfi‘ī, hadith Ibn Mas‘ūd di atas telah dimansuhkan kerana beliau mempelajari hal-hal tersebut daripada Nabi semasa berada di Makkah. Apabila baginda berhijrah ke Madinah, hal-hal tersebut tidak lagi dilakukan sebagaimana yang difahami daripada hadith Sa‘ad Ibn Abū Waqqāṣ (Al-Athyūbī, 2003).

KESIMPULAN

Pengklasifikasian hadith Nabi SAW berdasarkan fasa Makkah dan Madinah adalah sebahagian daripada keperluan memahami maksud hadith berdasarkan konteks. Jenis-jenis karya hadith seperti al-Muwattā‘, al-musnad, al-jāmi‘ dan al-sunan muncul selari dengan tuntutan umat pada masa ia ditulis. Penyusunan hadith berdasarkan klasifikasi al-makkī dan al-madanī tidak dilakukan pada zaman silam mungkin disebabkan majoriti hadith Nabi jika diklasifikasikan adalah dalam kategori hadith madanī selain tiada keperluan mendesak ketika itu kepada pengklasifikasian tersebut. Namun, pada masa kini, kerencaman isu, kepelbagaian aktiviti masyarakat dunia dan integrasi antara disiplin dan budaya menuntut pemahaman yang mendalam terhadap teks wahyu bagi menemui solusi yang selari dengan peredaran zaman. Justeru, pemahaman kontekstual berdasarkan pengklasifikasian al-makkī dan al-madanī dilihat salah satu cara

memperkasakan pemahaman dan pengaplikasian teks wahyu dalam kehidupan. Selain itu, pengklasifikasian hadith kepada al-makkī dan al-madanī pada hakikatnya adalah sebahagian daripada ilmu *sabab wurūd al-ḥadīth* dan ia membantu dalam mengenal pasti *al-nāsikh* dan *al-mansūkh* dalam sunnah, memahami hadith secara kontekstual dan menonjolkan keanjalan syariat Islam. Hal-hal tersebut adalah antara faktor keperluan pengklasifikasian hadith berdasarkan fasa Makkah dan Madinah.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dibawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental Penyelidik Muda (FRGS-EC) dengan kod rujukan FRGS-EC/1/2024/SSI03/USIM/02/10

RUJUKAN

- ‘Itr, N. al-D. (1981). *Manhaj al-Nqd fī ‘Ulūm al-Ḥadīth* (3rd ed.). Dār al-Fikr.
- Abd al-Muhdī Abd al-Qādir Abd al-Hādī. (2012). *Ṭuruq Takhrīj Ḥadīth Rasūl Allāh* (4th ed.). Maktabat al-Īmān li al-Nashr wa al-Tawzī’.
- Akram Diyā’ al-‘Umarī. (n.d.). *Buḥūth fī Tārīkh al-Sunnat al-Musharrafah* (4th ed.). Bisāt.
- Al-Athyūbī, M. I. ‘Alī. (2003). *Dhakhīrat al-‘Uqbā fī Sharḥ al-Mujtabā* (1st ed.). Dār al-Mi‘raj al-Dawliyah.
- Al-Bukhārī, M. (1993). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Dār Ibn Kathīr.
- Al-Bukhārī, M. (2001). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Dār Ṭawq al-Najāh.
- Al-Būṣīrī, A. I. A. B. (1983). *Miṣbāḥ al-Zujājah fī Zawā’id Ibn Mājah* (2nd ed.). Dār al-‘Arabīyah.
- Al-Dārimī ‘Abd Allāh Ibn ‘Abd Raḥmān. (2000). *Musnad al-Dārimī* (1st ed.). Dār al-Mughnī.
- Al-Haythamī Nūr al-Dīn. (1992a). *Majma‘ al-Baḥrayn fī Zawāid al-Mu‘jamayn al-Awsaṭ wa al-Ṣaghīr li al-Ṭabarānī* (1st ed.). : Maktabat al-Rushd.
- Al-Haythamī Nūr al-Dīn. (1992b). *Mawārid al-Zam‘ān Ilā Zawā’id Ibn Ḥibbān* (1st ed.). Dār al-Thaqāfat al-‘Arabīyah.
- Al-Ḥāzimī, A. B. (1940). *Al-I‘tibār fī al-Nāsikh wa al-Mansūkh min al-Āthār* (2nd ed.). Dā’irat al-Ma‘ārif al-‘Uthmāniyah.
- Al-Ḥusaynī, I. Ḥamzah. (n.d.). *al-Bayān wa al-Ta’rīf fī Asbāb Wurūd al-Ḥadīth al-Sharīf*. Dār al-Kitāb al-‘Arabī.
- Al-Shāfi‘ī, M. I. I. (1986). *Ikhtilāf al-Ḥadīth* (1st ed.). Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- Al-Suyūṭī, J. al-. (1974). *Al-Itqān fī ‘Ulūm al-Qur’ān*. Al-Hay’at al-Miṣriyah al-‘Āmmah li al-Kitāb.
- Al-Suyūṭī, J. al-D. (1996). *Al-Luma‘ fī Asbāb Wurūd al-Ḥadīth* (1st ed.). Dār al-Fikr.
- Al-Suyūṭī, J. al-D. ‘Abd al-R. I. A. B. (n.d.). *Tadrīb al-Rāwī fī Sharḥ Taqrīb al-Nawāwī*. Dār al-Ṭaybah.
- Al-Zayla‘ī Jamāl al-Dīn. (1997). *Naṣb al-Rāyah li Aḥādīth al-Hidāyah* (1st ed.). Mu’assasat al-Rayān.
- Alī Nāyif Biqā‘ī. (2002). *Takhrīj al-Ḥadīth al-Sharīf* (2nd ed.). Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyah.
- Ḥajjāj, M. Bin. (1954). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Ibn ‘Abd al-Barr Yūsuf. (1994). *Jāmi‘ Bayān al-‘Ilm wa Faḍlihī* (1st ed.). Dār Ibn al-Jawzī.
- Ibn al-Athīr, M. al-D. (1979). *Nihāyah fī Gharīb al-Ḥadīth wa al-Athar*. al-Maktabat al-‘Ilmiyah.
- Ibn Ḥajar, A. bin ‘Alī. (1970). *Fath al-Bārī*. Dār al-Ma‘rifah.
- Mannā’ al-Qaṭṭān. (2001). *Tārīkh al-Tashrī‘ al-Islāmī* (5th ed.). Maktabat Wahbah.
- Muḥammad Ibn Sa’d. (2001). *Al-Ṭabaqāt al-Kabīr* (1st ed.). Maktabat al-Khānījī.
- Nāṣir al-Dīn Ibn al-Munīr. (n.d.). *Al-Mutawārī ‘Alā Abwāb al-Bukhārī*. Maktabat al-Mu‘allā.
- Shahzadi, S., Ghaffar, A., & Ayoub, M. Y. (2024). *Chronological Categorization of Prophetic Traditions in Hadith Sciences : An Analysis of Meccan and Medinan Narratives*. 6588(January), 2206–2223.